

# Siswa raih pendapatan lumayan

**Jana ekonomi sendiri selepas praktikkan ilmu dipelajari di kampus**

SAPINAH AB GHANI

KALAI

Usia yang masih muda tidak menjadi penghalang bagi seorang remaja di sini melakukan kerja-kerja pembenihan ikan air tawar, sebaliknya dia bijak mengambil peluang dengan permintaan yang begitu tinggi di pasaran.

Muhamad Faris Izam, 22, berkata, ketika memuktuskan untuk melakukan sendiri pembenihan ikan berkenaan, dia baharu sahaja setahun mengikuti pengajian Diploma Akuakultur di Politeknik Jeli Kelantan (PJK).


“Berebalkan keyakinan dan ilmu yang dipelajari di politeknik, saya cuba melakukannya dengan menggunakan kaedah inkubator.

“Walaupun masih dalam proses belajar ketika itu, saya buat sambil-sambil praktikkan apa yang pelajari di kampus,” katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Menurutnya, dia memperuntukkan RM1,000 melalui simpanan peribadinya sebagai modal permulaan untuk menjalankan melakukan pembenihan berkenaan yang kini menjadi sumber pendapatan baginya.

Muhamad Faris berkata, kini selepas dua tahun, usaha yang dilakukan dengan bantuan seorang rakan semakin menampakkan hasil apabila benih-benih dikeluarkan mendapat permintaan dari seluruh negeri ini.

“Kadang tak menangan untuk penuh permintaan kerana ia sentiasa



Muhammad Faris (kiri) bersama rakan dan adiknya menunjukkan induk dalam sangkar khas.

melebihi penawaran dan apabila ramai tahu di sini ada benih, mereka mencarinya. Bagaimanapun tidak semua permintaan mampu ditunaikan,” katanya.

Menurutnya, dia juga turut mempunyai pembeli khas dari Kota Bharu dan Jeli.

Jelasnya, kerja-kerja pembenihan menjanjikan

pendapatan lumayan terutama apabila jenis-jenis benih dihasilkan itu tinggi permintaannya di pasaran.

“Antara jenis-jenis benih yang dihasilkan termasuk talapia hibrik, talapia gift, keli dan pepuyu dengan harganya antara lapan sen hingga 25 sen bergantung kepada saiz dan kuantiti. Biasanya, benih yang

silkan disedut keluar dari mulut induk, berbanding semula jadi yang akan dikeluarkan induk bila tiba masanya.

“Ia akan mengambil sedikit masa menyebabkan proses pembenihan hanya boleh dilakukan dua atau empat bulan kemudian, sebaliknya melalui kaedah inkubator, pembenihan boleh dilakukan seminggu sekali,” katanya.

Dalam pada itu, Muhamad Faris berkata, dia berharap dapat mengembangkan kerja-kerja pembenihan dilakukan pada masa hadapan dan berharap ada pihak yang akan membantu termasuk dari segi keperluan dan khidmat nasihat.

“Kalau ada yang dapat bantu dari segi penyediaan kolam simen, ia amat saya alu-alukan. Ini kerana kos menyediakan kolam seluas 20x8 kaki persegi dianggarkan sekitar RM3,000, jumlahnya agak besar bagi kami,” katanya.

berusia sebulan ke atas dengan saiz seinci hingga tiga inci sesuai untuk dijual,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhamad Faris berkata, kaedah inkubator yang digunakan menjimatkan masa berbanding kaedah semula jadi.

“Kaedah inkubator memerlukan telur-telur diha-